

SMART SBB mampu bantu capai sasaran beras negara

Oleh **Mohd Nasaruddin Parzi** - Mac 9, 2022 @ 1:58pm

bhnews@bh.com.my



- Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) optimis pelaksanaan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) mampu membantu mencapai sasaran Tahap Sara Diri (SSL) beras negara mencecah 75 peratus menjelang 2025 atau sebelum berakhirnya Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata program itu menyasarkan peningkatan purata hasil padi nasional kepada tujuh tan metrik sehektar dalam tempoh RMK-12 berbanding purata hasil sekitar 3.5 hingga 4.3 tan metrik sehektar ketika ini.

"Hingga Oktober 2021, bilangan pembabitan dan hasil pendapatan kumpulan sasar, iaitu pesawah, sudah berjaya melebihi sasaran ditetapkan, iaitu sebanyak 28 hingga 180 peratus.

"Seramai 3,811 orang pesawah mendapat manfaat daripada program SMART SBB membabitkan kawasan penanaman padi seluas 9,777.7 hektar di beberapa tempat, termasuk Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor dan IADA Seberang Perak," katanya menjawab soalan Khalid Abd Samad (PH-Shah Alam) pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Menjawab soalan tambahan Khalid, beliau berkata, ketika ini MARDI dengan kerjasama semua institusi pengajian tinggi (IPT) sentiasa menjalankan penyelidikan dan mengeluarkan beberapa jenis padi baharu.

"Benih padi baharu IS21 sudah dihasilkan. Kita sentiasa berkolaborasi bukan saja dengan universiti dan agensi tempatan tetapi juga negara lain.

"Ia supaya kita mendapat penemuan baharu yang boleh meningkatkan lagi tahap pengeluaran dan seterusnya meningkatkan pencapaian, supaya kita dapat mencapai 75 peratus SSL menjelang 2025," katanya.

Menjawab soalan Shaharizukirnain Abd Kadir (PAS-Setiu) mengenai sekuriti makanan, beliau berkata, Malaysia berjaya memperbaiki kedudukan dalam Indeks Keselamatan Makanan Global selepas menduduki tangga ke-39 pada tahun lalu, berbanding tangga ke-48 sebelum itu.